

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK TEO ENG TEE @
TEO KOK CHEE**

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 48

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini penyemakan semula had laju di Wilayah Persekutuan seperti yang dicadangkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada Mei tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Cadangan menurunkan had laju kepada 30 km sejam di kawasan yang melibatkan pejalan kaki dan aliran trafik berkenaan masih berada di dalam peringkat kajian oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Pada masa ini, pihak MIROS sedang memperincikan skop bagi tujuan pelaksanaan kajian berkenaan termasuk merancang untuk melaksanakan satu kajian rintis bersama pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL). Pihak MIROS menjangkakan untuk mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan kajian tersebut kepada pihak DBKL dalam suku kedua tahun 2022.

Sekian, terima kasih.